

Dutch Lady Milk Industries Berhad (DLMI) adalah syarikat tenusu terkemuka dengan rangka kerja pengurusan multinasional yang memberikan fokus kepada kepentingan kehendak tempatan sebagai satu cara untuk terus berhubung dengan pengguna di Malaysia. Sebagai salah satu syarikat peneraju tenusu di negara ini, kami berusaha untuk menyediakan pemakanan yang bernutrisi dan terus membantu membina Malaysia yang lebih kuat untuk generasi akan datang.

Kami komited untuk penambahbaikan berterusan. Itulah sebabnya pembungkusan kami telah diperbaharui untuk mencerminkan maklum balas pengguna. Perubahan yang dilakukan pada keseluruhan rangkaian Susu Tepung Rumusan untuk Kanak-kanak Dutch Lady® adalah:

- (i) Logo halal baharu
- (ii) Rekaan pek yang dipertingkatkan



# LOGO HALAL BAHARU



Perubahan pada logo halal adalah berikutan memorandum perbadanan (MOC) baharu antara JAKIM (Pihak Berkuasa Halal Malaysia) dan BPJPH (Pihak Berkuasa Halal Indonesia) yang menggariskan bahawa semua produk yang dikilangkan di Indonesia perlu mematuhi/menggunakan Logo Halal Indonesia. Perubahan ini tidak sama sekali mengubah piawaian halal tertinggi yang telah diperakui untuk rangkaian produk kami.

## REKAAN PEK YANG DIPERTINGKATKAN

Rekaan baharu pada pek varian Susu Tepung Rumusan untuk Kanak-kanak Dutch Lady® memberikan penampilan yang lebih menarik secara keseluruhan. Malah, ciri jualan unik 'Minda Cergas' juga diperkenalkan untuk menyerlahkan manfaat rangkaian produk ini.

## SOALAN-SOALAN LAZIM

### 1. Apakah perbezaan antara pembungkusan semasa dan pembungkusan baharu Dutch Baby dan Dutch Lady GUM?

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami untuk penambahbaikan berterusan, semua rekoan pembungkusan pada rangkaian Susu Tepung Rumusan untuk Kanak-kanak Dutch Lady® telah dikemas kini untuk meningkatkan daya tarikan keseluruhan.

Selaras dengan piawaian yang ditetapkan oleh CODEX dan peraturan tempatan, resipi untuk Susu Tepung Rumusan untuk Kanak-kanak Dutch Lady® 123 Biasa dan Madu telah disemak semula untuk memenuhi keperluan pemakanan. Walau bagaimanapun, resipi untuk varian lain kekal tidak berubah.

### 2. Mengapakah terdapat perubahan dalam saiz hidangan iaitu daripada 40G kepada 35G dalam Susu Tepung Rumusan untuk Kanak-kanak Dutch Lady® 123 Biasa dan Madu?

Pengurangan dalam saiz hidangan adalah untuk membolehkan pematuhan kepada garis panduan peraturan antarabangsa (CODEX) yang disemak semula, yang menetapkan peruntukan tenaga dan protein yang lebih rendah.

### 3. Adakah produk baharu dikilangkan di tempat/lokasi yang sama?

Ya sama, ia dikilangkan di Frisian Flag, Indonesia.

### 4. Adakah produk dengan pek rekaan baharu disahkan halal?

Ya, kami komited untuk memastikan semua produk Dutch Lady® disahkan halal.

### 5. Mengapakah terdapat perubahan pada logo halal?

Terdapat memorandum perbadanan (MOC) baharu antara JAKIM (Pihak Berkuasa Halal Malaysia) dan BPJPH (Pihak Berkuasa Halal Indonesia) bahawa semua produk yang dikilangkan di Indonesia perlu mematuhi/menggunakan logo halal Indonesia.

### 6. Apakah CODEX?

CODEX adalah koleksi piawaian antarabangsa, garis panduan dan kod amalan untuk melindungi kesihatan pengguna dan memastikan amalan adil dalam perdagangan makanan. Piawaian CODEX digunakan di seluruh dunia untuk mengintegrasikan peraturan keselamatan makanan negara, dan ia diterima lebih daripada 180 buah negara termasuk Malaysia.